

Semua
Silat

Bagaimana caranya

SEBELUM memperkatakan gerak langkah dalam siri-siri akan datang, ada baiknya diperjelaskan jangka masa setiap perlawanan dan beberapa peraturan asas silat olahraga yang lain.

Mengikut peraturan Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat), setiap pertarungan mempunyai tiga babak. Setiap babak pula dihadkan kepada dua minit dan rehat seminit.

Apabila pengadil (wasit) memberi isyarat memulakan pertarungan, penjaga masa akan mengira jangka masa dua minit, tidak termasuk masa perlawanan dihentikan atas sebab tertentu. Masa terbangun kerana satu-satu pelanggaran peraturan oleh pesilat tidak dikira.

Sebaik cukup waktu satu babak pertarungan, penjaga masa akan memukul gong sebagai isyarat pertarungan mesti dihentikan.

Seperti acara sukan lain, pertarungan silat olahraga mempunyai jawatankuasa pengadil atau panel hakim yang dikenali sebagai Dewan Pendekar, terdiri daripada guru-guru silat berpengetahuan menyeluruh, termasuk silat olahraga.

Mereka perlu mempunyai kefahaman mendalam mengenai peraturan dan larangan dalam silat olahraga supaya berkeupayaan menyelesaikan persoalan teknik yang timbul dalam satu-satu perlawanan.

Walaupun banyak perguruan silat, setiap peserta mesti mematuhi peraturan yang diseragamkan dalam silat olahraga seperti ditetapkan oleh Persilat iaitu semua peserta boleh menggunakan segala yang dipelajari daripada perguruan masing-masing asalkan mematuhi peraturan Persilat.

Apa yang menjadi matlamat peserta dalam satu-satu pertarungan silat ialah menunjukkan kaedah persilatan bermutu ketika menyerang sasaran yang ditetapkan, menangkis, mengelak dan mengunci lawan.

Tangkisan serta serangan dalam pertarungan silat olahraga perlu berasaskan pencak silat yang diselaraskan oleh perguruan masing-masing.

Seseorang peserta tidak akan mendapat banyak mata jika gagal menunjukkan langkah silat perguruan masing-masing ketika bertarung dengan alasan ingin membuat banyak serangan ke sasaran bagi mendapatkan mata yang dinilai menerusi pukulan tangan dan kaki, jatuhnya dan penguncian.

Bagian yang menjadi sasaran memungut mata ialah dada, perut, pinggang dan punggung, kecuali leher ke atas serta kemaluan.

Berikut adalah beberapa perkara yang menjadi kesalahan dalam satu-satu pertarungan silat olahraga:-

KESALAHAN BESAR:

- Menyerang bahagian leher ke atas dan kemaluan.
- Mematahkan tulang-tulang sendi.
- Melempar lawan ke luar gelanggang dengan sengaja.
- Membuat pukulan ke kepala.
- Menyerang lawan sebelum pertarungan bermula dan menyerang lawan selepas pertarungan dihentikan hingga menyebabkan lawan cedera.
- Bergumpal, menggigit, mencakar, mencengkam, menangkap atau

4 DEC 1987

B. Harian (M)